

Pengguna motosikal korban tertinggi

1,050 nahas dicatat hari terakhir kempen

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Ops Sikap ke-23 yang berlangsung selama dua minggu sempena Sambutan Tahun Baru Cina berakhir kelmarin dengan pengguna motosikal menjadi mangsa korban paling tinggi, iaitu 68 peratus daripada jumlah keseluruhan mangsa kemalangan yang maut.

Ketua Trafik Pasukan Bukit Aman, Datuk Abdul Aziz Yusof, berkata sepanjang tempoh itu, sebanyak 1,050 kemalangan dilaporkan berbanding hanya 766 tahun lalu.

Ops Sikap Ke-23

“Daripada jumlah itu, 183 adalah kes kemalangan maut yang meningkat daripada 179 kes tahun sebelumnya, tetapi jumlah kematian berjaya diturunkan daripada 201 tahun lalu kepada 199.

“Sepanjang tempoh itu juga, sebanyak 167,868 saman dikeluarkan, meningkat sebanyak 7,726 dan hampir 70 peratus daripadanya adalah bagi kesalahan memandu melebihi had laju,” katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Sehubungan itu, Abdul Aziz mengingatkan pengguna jalan raya terutama pe-nunggang dan pembonceng motosikal agar lebih peka dengan tahap keselamatan dan tidak menjadikan motosikal sebagai ‘mesin membunuh’.

“Mereka perlu lebih berhati-hati dan peka dengan tahap keselamatan ketika berada di jalan raya kerana kenderaan itu lebih terdedah kepada kemalangan. Walaupun Ops Sikap 23 tidak mencapai sasaran penurunan kadar kemalangan sebanyak lima peratus, jumlah kematian menurun,” katanya.